

# Dasar Sosial Nasional: Satu Model Pelaburan Sosial

Siti Hajar Abu Bakar Ah  
Syed Barkat Ali Bin Syed Ali<sup>1</sup>

## Abstrak

Dasar sosial model kebijakan agihan-semula (*redistributive welfare*) berada di dalam risiko. Indikator-indikator global mengunjurkan bahawa dasar sosial model konvensional ini semakin gagal atau semakin kurang berkesan untuk bertindakbalas dengan keperluan hidup dan masalah sosial yang wujud di dalam kehidupan masyarakat serta semakin kurang berkesan untuk menyediakan pelbagai peluang sosial yang diperlukan oleh anggota masyarakat bagi memajukan atau meningkatkan kesejahteraan hidup mereka. Kebanyakan negara sedang menukar arah paradigma dasar sosial mereka kepada dasar sosial model pelaburan sosial (*social investment model*). Bagi negara Malaysia, Dasar Sosial Nasional 2003 merupakan satu anjakan paradigma dasar sosial negara daripada model *redistributive welfare* kepada model *social investment*. Artikel ini membincangkan mengenai strategi dasar sosial model pelaburan sosial di dalam menyalurkan segala keperluan masyarakat, bertindakbalas dengan masalah sosial yang wujud dalam masyarakat serta menyediakan peluang-peluang sosial yang diperlukan oleh komuniti secara proaktif.

## Pendahuluan

Komponen utama dasar sosial adalah kebijakan sosial. Bagi tujuan perbincangan dalam artikel ini, kami merujuk kebijakan sosial sebagai tiga keadaan berikut. Pertama, sejauhmanakah masalah-masalah sosial yang wujud dalam masyarakat diurus-tadbir. Kedua, sejauh manakah keperluan-keperluan sosial anggota masyarakat dipenuhi. Ketiga, sejauhmanakah peluang-peluang sosial untuk anggota masyarakat memperkasa dan meningkatkan kesejahteraan hidup mereka disediakan. Ketiga-tiga keadaan sosial tersebut merupakan elemen penting untuk mengukur tahap kesejahteraan sosial sesebuah masyarakat.

Siti Hajar Abu Bakar Ah is currently a lecturer at the Department of Social Administration and Justice, Faculty of Arts and Social Sciences, University Malaya.

Syed Barkat Ali bin Syed Ali is currently the Chief Executive Officer/Principal Consultant of Transformational Leadership Development (M) Sdn. Bhd.

Terdapat sekurang-kurangnya tiga pendekatan institusional yang lazim diguna-pakai oleh pemerintah untuk meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat. Pertama, aktiviti derma-amal sosial (*social philanthropy*). Kedua, kerja sosial (*social work*). Ketiga, dasar sosial. Derma-amal sosial amat bergantung kepada sumbangan-sumbangan peribadi, aktiviti-aktiviti sukarelawan dan usaha-usaha pertubuhan bukan-kerajaan (*non-profit organizations*) bagi bertindak-balas dengan masalah dan keperluan sosial yang wujud serta menyediakan peluang-peluang peningkatan hidup kepada anggota masyarakat. Kerja sosial pula amat bergantung kepada tenaga pakar professional dan separa profesional yang membantu individu, kumpulan dan komuniti yang bermasalah dan berkeperluan meningkatkan kesejahteraan hidup mereka. Dan, dasar sosial pula bergantung kepada keupayaan dan keberkesanan intervensi-intervensi yang diambil oleh pemerintah/kerajaan menerusi satu siri perkhidmatan dan program sosial bagi bertindak-balas dengan masalah sosial, keperluan sosial dan peluang sosial yang dialami dan diperlukan oleh masyarakat.

Kebanyakan dasar awam dan dasar sosial Malaysia menggariskan satu set idea, prosedur, pendekatan, prinsip dan strategi mengenai cara-cara untuk mengurus-tadbir pelbagai program sosial dan perkhidmatan sosial bagi bertindak-balas dengan keperluan sosial, masalah sosial dan peluang sosial yang wujud. Model konvensional yang digunakan untuk menyedia, menawar dan mengagih program dan perkhidmatan sosial kepada masyarakat adalah model kebajikan agihan-semula (*redistributive welfare*). Namun begitu, apabila kerajaan melancarkan Dasar Sosial Nasional (DSN) pada tahun 2003, berlakunya alihan paradigma di dalam cara bagaimana kerajaan bertindak-balas dengan keperluan, masalah dan peluang sosial yang diperlukan oleh masyarakat. Dasar Sosial Nasional menghidup dan menyuburkan semula (*revitalizing*) pendekatan pembangunan komuniti (*community development*) yang pernah digunakan secara aktif pada tahun-tahun 1950-an dan 1960-an oleh agensi kerajaan seperti RISDA bagi membangunkan tahap ekonomi komuniti luar bandar. Menerusi penerapan pendekatan ini, kerajaan melihat DSN sebagai satu pelaburan sosial (*social investment model*). Berbanding dengan model *redistributive welfare*, model pelaburan sosial ini dikatakan lebih berkesan untuk bertindak-balas dengan segala masalah keperluan, masalah sosial dan peluang sosial yang dialami dan diperlukan oleh masyarakat.

Artikel ini adalah mengenai pengaplikasian perspektif pelaburan sosial (*social investment*) ke dalam dasar sosial negara. Sebelum menerangkan mengenai model pelaburan sosial, terlebih dahulu kami memberikan sedikit senario ringkas dasar sosial kontemporari yang bermodelkan kebajikan agihan-semula (*redistributive welfare*). Bahagian ini penting bagi memberi sedikit gambaran mengenai fragmentasi yang wujud dan keadaan-keadaan berisiko yang dijangkakan mampu "mengancam" keberkesanan model tersebut dalam bertindak-balas dengan keperluan dan masalah sosial yang wujud. Model pelaburan sosial terbentuk daripada gabungan beberapa pendekatan, aliran, ideologi dan pertubuhan sosial. Pendekatan utama yang telah menjadi rangka idea dan prinsip model pelaburan sosial adalah pendekatan pembangunan sosial (*social development*). Aliran utama yang mempengaruhi rangka asas model pelaburan sosial pula adalah ideologi kebajikan sosial baru (*new welfarism*), kerajaan pelaburan sosial (*social investment state*), Cara Ketiga (*The Third Way*), idea Kontrak Sosial Baru (*New Social Contract*) dan Kerjakebajikan (*Workfare* atau *welfare-to-Work*). Manakala, antara

pertubuhan sosial yang banyak mempengaruhi prinsip model pelaburan sosial adalah Negara Kesatuan Eropah, OECD, UNICEF, IMF dan Bank Dunia. Idea, prinsip dan strategi setiap pendekatan, aliran, ideologi dan pertubuhan sosial tersebut yang telah mendasari model pelaburan sosial diterangkan secara ringkas. Akhir sekali, kami menutup perbincangan artikel ini dengan cabaran yang bakal dihadapi oleh kerajaan pelabur sekiranya ingin menerapkan model ini dalam aplikasi program atau polisi sosialnya.

## MODEL DASAR SOSIAL KONTEMPORARI DALAM RISIKO

Sistem kebijakan sosial konvensional Malaysia boleh dikategorikan ke dalam model pencapaian-industrial (*industrial-achievement/performance model*). Di bawah model ini, dasar sosial dibina untuk membantu menjana atau meningkatkan produktiviti ekonomi sesebuah negara (Titmuss 1974). Pra-syarat utama model ini adalah ekonomi negara harus stabil, menggalakkan dan mencapai tahap gunatenaga penuh (*full employment*). Bagi memastikan dua pra-syarat tersebut dicapai, modal manusia dan modal sosial negara perlu dijana terlebih dahulu. Kerajaan harus menyediakan pelbagai kemudahan, perkhidmatan dan intervensi sosial kepada masyarakat bagi menghasilkan bekalan berterusan tenaga buruh yang sihat dan produktif untuk pembangunan ekonomi negara. Malangnya, ramai para ekonomi telah menyalah-tafsir kenyataan Titmuss tersebut. Kebanyakan mereka melihat dasar sosial merupakan *subordinate* kepada dasar ekonomi (Midgley 1999). Pandangan ini memberi impak yang amat kritikal terhadap pembiayaan sumber program-program sosial.

Sistem kebijakan sosial Malaysia bersifat kebijakan residual. Individu dan keluarga mesti memenuhi keperluan sosial sendiri menerusi pekerjaan. Tanggungjawab memenuhi keperluan anggota keluarga merupakan tanggungjawab keluarga itu sendiri. Bantuan atau faedah sosial yang diberikan adalah berdasarkan kepada ganjaran terhadap pekerjaan yang dilakukan oleh individu. Model ini melihat ketidaksejahteraan sosial (*social diswelfare*) berpunca daripada kegagalan dan kelemahan sistem ekonomi menyediakan peluang pekerjaan yang produktif. Dengan itu, kebijakan sosial diwujudkan sebagai intervensi kerajaan untuk mengganti-rugi masyarakat terhadap kegagalan pasaran ekonomi. Namun begitu, bantuan sosial awam hanya bertindak sebagai satu jaring-keselamatan (*safety-net*) yang sebahagian besarnya disediakan untuk kumpulan yang berkeperluan atau kumpulan marginal dalam masyarakat; dengan syarat mereka tidak mempunyai sumber-sumber sokongan alternatif lain. Kadar bantuan yang diberikan amat minimum, iaitu sekadar secukup hidup. Kebijakan residual mengutamakan dan menggalak penyediaan sumber oleh individu sendiri (*individual provision*), kebijakan persendirian (*private welfare*), ahli keluarga, bantuan-kendiri (*self-help*) dan sokongan/bantuan daripada sektor voluntari.

Dari segi pelaksanaan, kejayaan dan keberkesanan sistem kebijakan residual amat bergantung kepada sejauhmanakah institusi keluarga mampu menjalankan peranan, obligasi dan fungsi sosial nya di dalam memenuhi keperluan yang diperlukan oleh anggotanya, menangani masalah yang dialami oleh setiap anggotanya dan menyediakan peluang-peluang peningkatan diri untuk setiap anggotanya. Selain itu, kejayaan dan keberkesanan sistem kebijakan residual juga amat bergantung kepada obligasi dan sokongan komuniti yang berterusan di dalam membantu setiap anggota

komuniti mereka yang berkeperluan dan bermasalah. Di dalam sistem kebajikan residual, kerajaan berperanan samada sebagai pembuat dasar, *enabler*, pemantau, penilai, pembuat keputusan, pembiaya projek atau *subsidizer*. Kerajaan hanya akan masuk-campur apabila keluarga dan pasaran gagal.

Ciri signifikan dasar sosial residual adalah kebajikan sosial merupakan agen agihan-semula yang paling utama. Pemerintah telah menggunakan pendekatan agihan-semula di dalam usahanya membentuk sebuah masyarakat Malaysia yang bersatu-padu, kohesif, adil dan sama-rata. Namun begitu, timbul beberapa argumen berkaitan dengan keberkesanannya pendekatan agihan-semula di dalam memenuhi keperluan dan bertindak-balas dengan masalah sosial yang wujud. Pihak yang kurang berpuas hati dan sentiasa menentang institusi kebajikan sosial; misalnya kumpulan yang mendokong aliran-kanan (*right wing ideologies*) melihat Negara-Kebajikan (*welfare-state*) atau sistem kebajikan sosial agihan-semula yang terlalu "pemurah" sebagai tidak efisian, bersifat terlalu paternalistik, melumpuhkan semangat keusahawanan individu dan membentuk situasi pergantungan kebajikan (*welfare dependency*) yang kritikal (Midgley 1999; Jones 1993; Williams 1989; Cawson 1982). Keadaan-keadaan tersebut hanya melebarkan jurang ketaksamaan sosial dalam masyarakat, mengganggu kestabilan sosial dan tidak mencukupi untuk membina sistem ekonomi yang produktif. Kesemua keadaan tersebut tidak berkekalan untuk menjamin kesejahteraan sosial masyarakat.

Selain daripada argumen-argumen di atas, beberapa indikator sosial dalam negara dan antarabangsa juga memperlihatkan bahawa dasar sosial model agihan-semula semakin terancam atau berada di dalam risiko. Agen risiko yang paling dominan adalah globalisasi. Globalisasi mewujudkan sistem ekonomi baru dan persaingan ekonomi global. Ia menyebabkan berlakunya aliran besar-besaran tenaga buruh antarabangsa. Prinsip utama ekonomi baru ini adalah mengekalkan persaingan antarabangsa. Jadi, negara yang tidak mampu bersaing dengan konglomerat antarabangsa yang besar pasti akan menghadapi masalah dalam menjamin pertumbuhan ekonominya (Kapstein 1998). Persaingan ini sudah pastilah ditentukan oleh keanggotaan negara dalam kumpulan-kumpulan perniagaan atau kesatuan-kesatuan perdagangan besar. Aliran kebajikan sosial baru (*new welfarism*) melihat globalisasi ekonomi menyebabkan sistem ekonomi pasaran menjadi lebih fleksibel. Semua Negara Kebajikan didorong ke arah yang sama; iaitu oleh persaingan antarabangsa yang bersifat imperatif.

Senario konflik semasa yang melibatkan perperangan dan ancaman pengganas (*terrorist*) yang cenderung berjuang atas landasan perjuangan agama meletakkan negara-negara yang mengamalkan agama-agama tertentu berisiko untuk diboikot; yang mana ini boleh mengancam pertumbuhan ekonomi negara mereka. Globalisasi juga mewujudkan sistem ekonomi pasaran yang berorientasikan ekonomi perkhidmatan. Ekonomi perkhidmatan ini pula melibatkan keupayaan individu memahiri kemahiran-kemahiran tertentu. Kemahiran yang dimiliki mempengaruhi potensi individu untuk bersaing dalam ekonomi global. Individu yang mempunyai kemahiran dan kepakaran khusus tertentu juga lebih mudah untuk *mobile* dari satu negara ke negara lain mengisi jawatan-jawatan kosong yang ada. Ini memberi impak yang amat kritikal terhadap golongan masyarakat yang tidak mempunyai kemahiran yang sesuai dengan sistem ekonomi perkhidmatan. Mereka bukan sahaja akan gagal untuk berfungsi dengan baik di dalam pasaran ekonomi global; malah situasi yang lebih teruk adalah mereka akan

dimarginalisasikan (*marginalization*) dan “dikeluarkan” (*sosial exclusion*) daripada peluang-peluang sosial yang ada (Midgley 1999; Berghman 1997; Cahill 1994).

Selain ekonomi, globalisasi juga mempunyai impak sosial yang amat kritikal. Globalisasi menyebabkan pola-pola kehidupan keluarga menjadi lebih kompleks dan struktur sosial masyarakat menjadi semakin sama-rata. Globalisasi melupuskan atau menghakis sedikit demi sedikit struktur kelas sosial tradisional (Taylor-Gooby 1991). Globalisasi membawa bersama-sama pelbagai perubahan sosial yang mempunyai impak yang amat kritikal terhadap beberapa institusi sosial dalam masyarakat. Antara yang paling tersentuh adalah institusi kekeluargaan. Akhir abad ke-21 memperlihatkan bahawa struktur dan pola institusi kekeluargaan di Malaysia dan kebanyakan negara lain sedang mengalami perubahan-perubahan berikut: saiz keluarga nuklear yang semakin kecil, umur perkahwinan yang semakin lewat bagi perempuan, peningkatan keluarga dwi-kerjaya; iaitu kedua-dua suami-isteri bekerja, jangka hayat yang semakin panjang menyumbang kepada bentuk keluarga yang mempunyai pelbagai generasi (*multigenerational family*) di dalamnya, aktiviti urbanisasi dan migrasi yang aktif menyumbang kepada pecahan keluarga dengan pelbagai kesan ekonomi dan sosial terhadap setiap anggota keluarga yang mengalaminya, peningkatan kadar perceraian, peningkatan kadar jenayah sosial yang melibatkan hal-ehwal kekeluargaan, formasi banyak bentuk keluarga alternatif seperti “keluarga bujang” (*single members*), keluarga atau ibu bapa tunggal (*single families* atau *single parents*), keluarga anak tanpa jagaan (*latchkey children families*), “keluarga mingguan” (*weekend-parents*) dan sebagainya (Siti Hajar 2002; Jamilah 1999; McDonald 1999; Rosnah 1999). Pendek kata, perubahan sosial menggugat keupayaan institusi keluarga di dalam menjalankan peranan, tanggungjawab dan fungsi sosialnya memenuhi setiap keperluan sosial anggotanya.

Selain itu, wujud juga perubahan yang mendadak di dalam komposisi demografi penduduk Malaysia. Masyarakat Malaysia sedang menuju ke sebuah masyarakat berusia atau *aging society* (Doling and Roziah 2002). Perubahan yang berlaku pada institusi kekeluargaan menyebabkan golongan ini perlu lebih bergantung kepada bantuan awam atau kerajaan. Dari segi intensiti penggunaan perkhidmatan sosial awam, defisit yang berlaku di dalam keupayaan fizikal, kesihatan dan keupayaan ekonomi menyebabkan golongan berusia amat memerlukan pelbagai perkhidmatan dan bantuan sosial. Ini sudah pasti akan meningkatkan perbelanjaan dan peruntukan bajet kebajikan sosial, perkhidmatan sosial atau sekuriti sosial untuk golongan ini. Walaupun perolehan tahunan negara yang diperolehi dari pencukaian stabil dan meningkat setiap tahun, perolehan tersebut harus diagih-agihkan kepada pelbagai sektor sosial dan sektor ekonomi negara. Pertumbuhan ekonomi yang merundum di kebanyakan negara; yang mana keadaan tersebut sedikit-sebanyak pasti membiaskan impaknya terhadap keadaan ekonomi Malaysia menyebabkan perolehan tahunan negara terancam. Ini secara langsung pasti akan mempengaruhi kapasiti dan keupayaan intervensi sosial kerajaan untuk membiayai program atau perkhidmatan sosial kumpulan-kumpulan sosial tertentu yang mempunyai keperluan khusus.

Perkara lain yang juga perlu diberi perhatian serius adalah kewujudan pelbagai masalah sosial yang semakin meruncing. Golongan radikal melihat insiden sosial ini sebagai kos yang terpaksa dibayar oleh masyarakat yang terlalu mementingkan keperluan ekonomi dan mengenepikan keperluan sosial masyarakat. Kejadian jenayah

rogol, bunuh, ragut, curi, samun, gaduh, geng samseng dan “along” misalnya mengancam kesejahteraan hidup masyarakat. Kanak-kanak membesar di dalam persekitaran sosial yang dipenuhi dengan pelbagai faktor risiko seperti keadaan ekonomi-fizikal keluarga yang mencabar, persekitaran sekolah yang tidak selamat dan tidak kondusif untuk pembelajaran, persekitaran komuniti yang mementingkan diri sendiri, tidak mesra, tidak penyayang dan secara simbolik “menyokong” perlakuan antisosial atau jenayah yang dilakukan oleh anggota komuniti. Tanpa pencelahan yang berkesan, keadaan-keadaan berisiko tersebut mampu mendorong kanak-kanak terpengaruh dan terlibat dengan pelbagai gejala anti-sosial seperti penyalahgunaan dadah/ganja, daun ketum, pil khayal, arak, geng samseng, geng buli, vandalisme, tingkah laku seksual tidak bermoral, pergaduhan, mengandung di luar nikah, lari dari rumah, lepak, membunuh diri dan sebagainya. Semua keadaan sosial tersebut menyebabkan masyarakat sudah merasa tidak selamat lagi samada apabila berada di dalam rumah atau di luar rumah. Apabila masyarakat sudah mula merasa tidak yakin dengan keselamatan (*insecure*) mereka, ini merupakan petanda yang masyarakat kita hidup di dalam keadaan yang tidak sejahtera (*diswelfare*). Secara tidak langsung, ini sekaligus memperlihatkan bahawa sistem kebijakan yang sedia ada kurang berkesan untuk menangani dan mengurus-tadbir masalah-masalah sosial yang wujud.

Pendek kata, semua perkara di atas meletakkan dasar sosial model agihan-semula dalam risiko. Semua insiden tersebut menyebabkan model dasar sosial kontemporari kurang berkesan, “kurang selamat (*insecurity*) dan “rapuh” (*vulnerability*) di dalam membantu anggota masyarakat memenuhi keperluan sosial mereka dan bertindak-balas dengan masalah sosial yang membinaaskan hidup masyarakat. Semua perkara ini menuntut kebijakan sosial menggunakan pendekatan, strategi dan kaedah yang baru bagi meneutralkan keadaan masyarakat. Memandangkan tahap gunatenaga penuh, perkhidmatan sosial yang bersifat agihan-semula dan perkhidmatan sosial yang bersifat universal semakin mahal dan kurang efisian, dasar sosial hanya lebih berkesan sekiranya ia mampu berfungsi sebagai agen pelaburan dalam pembangunan modal sosial dan modal manusia. Sedar dengan ancaman-ancaman tersebut, kerajaan telah mengambil langkah bijak dengan menukar panduan arah (*steering*) dasar sosial nasional kepada pendekatan pelaburan sosial. Dasar sosial model pelaburan sosial merupakan satu intervensi proaktif yang mampu membantu masyarakat berhadapan dengan pelbagai keadaan risiko. Ia ibarat dasar yang bersifat “menyediakan payung sebelum hujan”.

## DASAR SOSIAL MODEL PELABURAN SOSIAL

Model pelaburan sosial mengintegrasikan dasar sosial dan dasar ekonomi negara. Dasar sosial tidak boleh lagi dilihat sebagai *subordinate* atau *subsidiary* kepada dasar ekonomi. Dasar sosial dan dasar ekonomi harus saling-melengkapi di antara satu-sama lain. Dasar sosial harus menyediakan pelbagai intervensi sosial yang mampu meningkatkan modal sosial (*social capital*) dan modal manusia (*human capital*). Bagi modal sosial, dasar sosial harus memperbaiki jaringan sosial (*social networks*) antara setiap anggota masyarakat dan menyediakan pelbagai cara dan kaedah yang mampu membantu setiap anggota komuniti menyertai secara aktif pasaran ekonomi yang produktif. Manakala, bagi modal sumber manusia pula, dasar sosial harus menyediakan

pelbagai bentuk intervensi (e.g. pelbagai program atau skim pendidikan, program atau skim kemahiran ekonomi dan skim kemahiran latihan dan pembangunan ekonomi) yang mampu meningkatkan keupayaan ekonomi individu dan komuniti. Keupayaan ekonomi ini seterusnya membolehkan individu dan komuniti menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara yang lebih mantap di masa hadapan. Secara langsung, keupayaan ekonomi individu dan komuniti menyumbang kepada kesejahteraan hidup masyarakat yang lebih baik. Meningkatkan kapasiti modal sosial dan modal sumber manusia merupakan strategi utama model pelaburan sosial.

Oleh kerana dasar sosial dan dasar ekonomi harus saling-melengkapi, maka dasar ekonomi sesebuah negara seharusnya menyediakan satu persekitaran pasaran ekonomi yang produktif, mantap dan stabil. Dasar ekonomi negara harus menyedia dan menawarkan infrastruktur sosial dan insentif ekonomi yang mampu menarik minat para pelabur dalam dan luar negara untuk melabur dalam setiap sektor ekonomi negara. Selain menyediakan persekitaran yang mesra pelabur, dasar ekonomi juga harus membantu dasar sosial melahirkan sumber modal manusia yang cekap, produktif dan mahir. Ini boleh dilakukan dengan cara menggiat-aktifkan lagi pelbagai skim atau program latihan seperti skim-skim biasiswa pendidikan, skim-skim latihan dan skim-skim perintis. Intervensi-intervensi ekonomi sebegini bukan sahaja mampu menjamin pertumbuhan ekonomi yang pesat dan tahap gunatenaga penuh yang berterusan; malah mampu membekalkan sumber manusia yang mahir, profesional dan beretika. Pendek kata, pelaburan sosial boleh menjadi asas atau landasan untuk kerajaan mempromosikan pembangunan ekonomi negara secara berkesan dan lancar. Pelaburan sosial merupakan pra-syarat yang terpenting untuk pembangunan ekonomi negara.

Model pelaburan sosial banyak dipengaruhi oleh pendekatan pembangunan sosial. Pembangunan sosial kurang bersetuju dengan pendekatan kebijakan sosial kontemporari yang menekankan idea sumber-sumber yang dijana oleh pertumbuhan ekonomi harus diagih-semula untuk membiayai program-program sosial negara. Dasar sosial model kebijakan agihan-semula cenderung untuk menggunakan sumber-sumber ekonomi yang terhad bagi membiayai perkhidmatan sosial yang tidak produktif, meletakkan individu yang berkeperluan dalam keadaan pergantungan terhadap bantuan awam dan menghalang pertumbuhan ekonomi negara (Midgley 1999). Bagi memberikan satu gambaran yang lebih positif terhadap fungsi dan peranan kebijakan sosial, model pelaburan sosial mencadangkan agar sumber-sumber yang ada dilaburkan ke dalam program-program sosial yang bersifat produktif, program sosial yang mampu mengukuhkan penglibatan individu dalam kegiatan ekonomi dan program sosial yang mampu membantu individu menyumbang kepada pembangunan negara secara keseluruhan.

Berbeza daripada pendekatan institusi seperti derma-amal sosial (*social philanthropy*), kerja sosial dan dasar sosial agihan-semula yang dilihat bersifat reaktif, model pelaburan sosial dilihat mampu memperkasa dan membangun modal sosial dan modal manusia secara seiringan (Midgley 1999; Rahimah 1999). Pendekatan derma-amal sosial (*social philanthropy*), kerja sosial dan dasar sosial agihan-semula mempunyai hubungan atau kaitan yang bersifat *tangential* dengan pembangunan ekonomi sesebuah negara. Ketiga-tiga pendekatan tersebut juga gagal mengintegrasikan

dan menyeimbangkan objektif dasar sosial dan objektif dasar ekonomi di dalam satu proses pembangunan yang seimbang. Sebaliknya, model pelaburan sosial menekankan pembangunan sosial yang seiringan, seimbang dan berterusan dengan pembangunan ekonomi negara.

Model pelaburan sosial juga mengunjurkan dan mengaplikasikan pelbagai kaedah dan strategi sosio-ekonomi yang mampu membantu meningkatkan pembangunan ekonomi masyarakat. Ini adalah berbeza daripada pendekatan *residual* dan pendekatan institusional atau universal yang lebih cenderung untuk merancang, merekabentuk dan mengaplikasi intervensi-intervensi sosial yang hanya berfungsi sebagai *subsidiary* kepada dasar ekonomi. Kedua-dua pendekatan tersebut juga bersifat pasif; iaitu terlalu bergantung kepada belas-ehsan sektor ekonomi untuk membiayai intervensi sosial yang dirancang (Midgley 1995). Sebaliknya, model pelaburan sosial bersifat lebih proaktif. Ia menghubungkan kebajikan sosial secara langsung dengan program-program atau dasar-dasar pembangunan ekonomi. Ia menawarkan pelbagai kaedah dan strategi yang mampu menjana sumber-sumber alternatif bagi membiayai intervensi-intervensi sosio-ekonomi yang mampu meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat. Keadaan ini adalah konsisten dengan objektif utama pendekatan pembangunan sosial yang menjadi teras model ini; iaitu:

*.... The primary objective of development is to benefit people in terms of better health services, greater access to knowledge, better housing and living conditions, secure livelihood, better working conditions, security against crime and physical violence..... Development is for and by the people and as such should be able to reduce the social problems and correspondingly increase the standard of living of the society in general. Social development increase the capacity of the social system to achieve welfare or well being..... and, in order to increase this capacity, it is necessary for the social system to mobilize the necessary social resources. "*

(Rahimah 1999:2).

Selain pendekatan pembangunan sosial, model pelaburan sosial juga banyak dipengaruhi oleh idea Kerajaan Pelaburan Sosial (*Social Investment State*) dan idea Cara Ketiga (*The Third Way*). Negara yang melabur dalam aspek sosial akan mempromosikan kebajikan positif; iaitu individu sendiri akan menyumbang untuk pembangunan diri sendiri atau komuniti mereka (Giddens 1998). Individu, kumpulan sosial atau komuniti akan menjalankan fungsi sosial dan fungsi ekonomi mereka tanpa paksaan. Mereka akan membangunkan atau memajukan diri atau komuniti masing-masing menerusi sumber bersama yang dimiliki. Negara yang banyak melabur dalam aspek pembangunan sosialnya juga lebih berjaya membentuk sebuah masyarakat sivil yang kaya dengan pelbagai jaringan sosial (*social network*) yang mampu menangani segala masalah keperluan dan masalah sosial yang melanda masyarakat (Mendes 2000; Giddens 1998). Dasar sosial yang bersifat pelaburan sosial juga dilihat lebih adil; iaitu mampu "mengagihkan" sumber-sumber sosial dan peluang-peluang sosial yang ada secara sama-rata kepada semua anggota komuniti (Giddens 1998). Selain itu, ia juga mampu "meliputi" atau "merangkumi" (*social inclusion*) semua anggota masyarakat secara aktif di dalam semua program pembangunannya (Falkner and Talos 1994). Ini kerana perkara signifikan yang perlu diberi perhatian oleh pemerintah adalah

sekecil mana pun sumber peruntukan yang ada, ia tidak seharusnya mem marginalisasikan anggota masyarakat tertentu. Pendek kata, kebajikan positif dan proaktif ini membolehkan individu, kumpulan sosial dan komuniti sosial “*to make things happen rather than have things happen to them*” (Giddens 1998).

Dasar social model pelaburan sosial juga ada dipengaruhi oleh idea Kontrak Sosial Baru (*New Social Contracts*). Masyarakat terlalu suka bercakap dan memperjuangkan hak kerakyatan (*citizenship rights*) mereka yang meliputi hak sosial (*social rights*), hak ekonomi (*economy rights*) dan hak politik (*political rights*) mereka; lebih daripada bercakap mengenai tanggungjawab sosial (*social responsibilities*) mereka (Giddens 1998). Menerusi Kontrak Sosial Baru, anggota masyarakat sepautunya lebih banyak bercakap mengenai tanggungjawab sosial mereka; samada pada diri sendiri, pada orang lain atau pada negara-bangsa mereka. Bagi pihak kerajaan atau pemerintah pula, memberi rakyat hak terhadap perkhidmatan sosial awam sewenang-wenangnya tanpa menyatakan tanggungjawab mereka akan menghasilkan banyak masalah; terutamanya masalah moral di dalam sistem kebajikan (e.g. pergantungan terhadap bantuan kerajaan, melahirkan “masyarakat subsidi” dan masyarakat yang malas berusaha). Justeru, model pelaburan sosial mengatakan tiada hak tanpa tanggungjawab. Hak mestil disertai dengan tanggungjawab. Rakyat harus turut serta secara aktif di dalam semua aktiviti sosial dan ekonomi negara. Bagi pihak kerajaan pula, model pelaburan sosial mendesak kerajaan menyediakan sistem kebajikan sosial yang bersifat aktif (*active welfare*); iaitu pelaburan sosial. Semua bentuk bantuan kewangan atau bantuan sosio-ekonomi awam yang bersifat pasif harus dihentikan. Sebaliknya, kerajaan harus bergerak kepada kaedah yang lebih proaktif; iaitu melabur di dalam aktiviti-aktiviti ekonomi dan sosial yang mampu melibatkan penyertaan aktif masyarakat. Objektif utamanya bukan untuk menghasilkan satu masyarakat egalitarian; tetapi adalah untuk menghasilkan masyarakat yang sama-rata dari segi agihan peluang sosial yang ada. Bagi mencapai keadaan ini, kerajaan harus banyak melabur di dalam program-program latihan kemahiran dan program yang berbentuk pembelajaran berterusan seumur hidup (*life long learning*).

Dari perspektif *Workfare* pula, model pelaburan sosial mengutamakan pelaburan dalam pembangunan infrastruktur sosial. Kerajaan harus melabur dalam pelbagai peluang sosial yang relevan dengan keperluan masyarakat. Pelaburan sosial yang berkesan adalah pelaburan yang dijalankan di dalam sistem ekonomi campuran antara sektor awam dan sektor swasta. Kesejahteraan hidup individu atau komuniti boleh dicapai menerusi pekerjaan yang menawarkan pendapatan yang baik (*making work pay*). Insentif sebegini boleh dicapai menerusi kerjasama diantara masyarakat sivil dengan sektor swasta. Kerjasama yang aktif dan membina di antara sektor awam dan sektor swasta merupakan mekanisma operasi yang penting bagi model pelaburan sosial. Pertubuhan ekonomi yang besar seperti Kesatuan Eropah (EU) misalnya melihat kerjasama kedua-dua sektor ini di dalam model pelaburan sosial penting bagi mengekalkan kelebihan persaingan. Di dalam hal ini, dasar social model pelaburan sosial merupakan satu rangkakerja yang membolehkan kerajaan menyertai secara aktif dan seimbang di dalam semua aspek kehidupan masyarakat. Ini boleh dilakukan dengan cara menyokong rakyat masing-masing di dalam usaha mereka untuk menyeimbangkan antara kerja, masa bersama keluarga, pembelajaran, penjagaan kaum keluarga serta berekreasi. Ini kerana model pelaburan sosial berpendapat kos dasar-dasar bukan

sosial; seperti dasar ekonomi yang hanya mementingkan produktiviti tanpa mengambil-kira keperluan sosial masyarakat tidak terkira nilainya. Ini ditunjukkan menerusi kadar jenayah yang tinggi, gangguan sosial dan ketidakharmonian sosial. Kohesi sosial yang dihasilkan daripada pelaburan sosial yang bermanfaat mampu menyumbang kepada pembentukan persekitaran sosial yang positif untuk pelaburan dan pekerjaan. Ini merupakan faedah jangkamasa panjang pelaburan sosial.

Sama seperti model agihan-semula, model pelaburan sosial juga menekankan kepentingan pekerjaan (*work and employment*) di dalam meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat. Ini kerana model pelaburan social juga banyak dipengaruhi oleh perspektif kebijakan kerja atau *Workfare (Welfare to work)*. Perspektif ini melihat penglibatan anggota masyarakat dalam kerja sangat penting. Justeru itu, kerajaan/pemerintah harus membina semula sistem kebijakan negara masing-masing dengan berkisar kepada sistem pekerjaan yang diperlukan oleh masyarakat (Fox Piven 1999). Secara tidak langsung, ini boleh mengelakkan pergantungan masyarakat pada bantuan kebijakan sosial awam. Ini boleh dilakukan dengan cara "*making work pay*"; iaitu "*work for those who can; security for those who cannot*". Kelayakan (*entitlement*) harus diberhentikan. Penekanan seharusnya ditumpukan kepada sistem bersyarat (*conditionality*) misalnya memperkenalkan syarat masa (*time-limits*) dan bantuan-bantuan awam yang berbentuk *job-focused*. Kaedah-kaedah ini mampu menggalakkan individu untuk bekerja dan mengelakkan individu untuk bergantung sepenuhnya kepada bantuan sosial awam (Davis and Wainwright 2000; DeBord et.al. 2000; Walker 2000).

Secara ringkasnya, intipati utama model pelaburan sosial adalah integrasi dasar sosial dengan dasar ekonomi negara. Dasar sosial dan dasar ekonomi negara harus memberi tumpuan kepada intervensi-intervensi sosioekonomi yang mampu meningkatkan modal sosial dan modal sumber manusia. Intervensi-intervensi tersebut juga harus mencari-pakai pelbagai cara, strategi dan kaedah yang mampu membantu setiap individu atau anggota komuniti menyertai secara aktif aktiviti ekonomi yang produktif. Perbincangan dalam bahagian seterusnya adalah mengenai beberapa jenis strategi utama model pelaburan sosial di dalam membantu meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat.

## STRATEGI PELABURAN SOSIAL

Model pelaburan sosial mencadangkan agar "kerajaan pelabur" melabur dalam program-program sosial dan program-program ekonomi yang mampu menghasilkan modal manusia (*human capital*) yang produktif dan berkemahiran, program-program pembangunan modal sosial (*social capital*) yang menyokong pertumbuhan ekonomi negara dan program-program peluang sosial yang mampu memindahkan atau menghapuskan halangan-halangan untuk anggota masyarakat menyertai aktiviti ekonomi. Ketiga-tiga pelaburan tersebut harus dibuat menerusi strategi pembangunan individual (*individual development*), pembangunan komuniti (*community development*) dan pembangunan kerajaan/pemerintah (*government development*). Berbeza daripada model dasar sosial konvensional, model pelaburan sosial bermula dari peringkat akar-umbi (*grassroot*); iaitu individu. Model pelaburan sosial mendesak agar pemerintah mengambil-kira untuk memasukkan kerja-kerja evaluasi dan penilaian keperluan

individu (*needs assessment*) dan penilaian keperluan komuniti (*community needs assessment*) atau *community profiling* sebagai salah satu daripada perancangan strategik mereka. Prosedur perancangan ini penting bagi memastikan pemerintah benar-benar tahu defisit keperluan yang dialami oleh individu atau komuniti. Ia bukan sahaja boleh membantu kerajaan merancang dan menyediakan perkhidmatan sosial yang sesuai dengan keperluan individu atau komuniti; malah apa yang lebih penting adalah ia memastikan kerajaan melabur di dalam aspek-aspek sosial yang amat diperlukan oleh masyarakat. Selain itu, prosedur ini juga mampu “mengajak” semua anggota masyarakat (yang merupakan klien atau pengguna utama perkhidmatan sosial negara) mempraktiskan hak pengguna mereka. Prosedur ini memberikan pengguna perkhidmatan menyatakan jenis-jenis keperluan yang benar-benar mereka perlukan, cara bagaimana perkhidmatan sosial tersebut harus disalurkan atau disampaikan kepada mereka, kuantiti dan kualiti perkhidmatan sosial yang mereka perlukan serta pada tahap manakah bantuan/sokongan perkhidmatan sosial tersebut harus diberhentikan.

Model pelaburan sosial yang menggunakan pendekatan pembangunan sosial bukanlah satu idea baru. Ia telah digunakan seawal tahun 1940-an lagi oleh agensi-agensi seperti Bank Dunia, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Pertubuhan Buruh Antarabangsa, Dana Kewangan Antarabangsa dan kerajaan kolonial untuk membangunkan beberapa komuniti miskin, membangun dan komuniti jajahan kolonial. Malah, pendekatan dan strategi ini masih digunakan sehingga kini di dalam pelbagai program pembangunan sosial di arena antarabangsa. Berdasarkan kepada pencapaian daripada pengalaman hampir 70 tahun mengaplikasikan strategi pelaburan sosial ini, antara pelaburan sosial yang didapati telah terbukti berkesan dan berpotensi untuk meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat adalah seperti berikut (Midgley 1999):

(i) *Meningkatkan pelaburan di dalam modal manusia*

Berbalik semula kepada strategi pembangunan individu, model pelaburan sosial menyatakan kesejahteraan sosial hanya boleh dicapai sekiranya individu berusaha dan berdikari untuk meningkatkan taraf hidup masing-masing. Program dan polisi sosial yang berkesan adalah program atau polisi yang kumpulan sasarnya mempunyai niat untuk berubah atau maju. Tidak guna mempunyai polisi atau program yang komprehensif; tetapi kumpulan sasarnya langsung tidak mahu berusaha untuk mengubah hidup mereka. Polisi atau program pembangunan tidak akan mencapai objektifnya seandainya tidak ada respons yang positif dan aktif daripada kumpulan sasarnya. Segalanya mesti bermula pada diri individu. Setiap individu mesti tahu kepentingan dan keperluan diri masing-masing; bukannya dinyatakan atau ditentukan oleh orang lain atau kerajaan/pemerintah. Sekiranya individu di dalam sesebuah masyarakat ada nilai-nilai berdikari/berusaha dan semangat untuk mengubah keadaan hidup mereka, ia akan mendorong mereka untuk menyertai program-program sosial yang ada dengan aktif dan berkesan. Namun begitu, “kerajaan pelabur” tidak boleh lepas tangan. Ada ramai individu yang ingin mengubah hidup mereka dan ada semangat berdikari yang tinggi tetapi tidak mempunyai sumber-sumber sosial atau ekonomi yang diperlukan untuk perubahan. Di dalam hal ini, kerajaan pelabur bersama-sama dengan organisasi-organisasi ekonomi atau sosial yang terdapat di dalam komuniti boleh

membantu dengan cara menyediakan pelbagai program, aktiviti, kaedah atau polisi yang lebih spesifik yang mampu meningkatkan fungsi individu (*individual functioning*), mewujudkan satu persekitaran yang mampu menghidupkan budaya keusahawanan (*enterprise culture*) yang menggalakkan dan “memandu” (*facilitate*) individu menggunakan sistem pasaran ekonomi moden bagi meningkatkan kesejahteraan hidup mereka.

Terdapat sekurang-kurangnya tiga jenis intervensi individu yang telah terbukti berkesan; dengan syarat negara atau masyarakat tersebut mampu menjamin keadaan politik dan ekonominya stabil. Pertama, intervensi-intervensi pelaburan ekonomi dan pelaburan sosial berskala besar (*large-scale interventions*). Program utama intervensi ini adalah membentuk dan mewujudkan satu budaya keusahawanan yang kondusif untuk kejayaan individu. Kedua, intervensi-intervensi pelaburan ekonomi dan pelaburan sosial berskala kecil (*small scale interventions*). Di dalam intervensi ini, pelbagai aktiviti atau program yang mampu membantu individu, keluarga yang berpendapatan rendah atau peniaga-peniaga/pekebun-pekebun/petani-petani kecil dan mereka yang mengusahakan ekonomi tak formal menjalankan perniagaan mereka dengan lebih efektif di dalam pasaran ekonomi diperkenalkan. Ketiga, intervensi kemahiran sosial (*social skills*). Di dalam hal ini, pekerja-pekerja sosial (*social workers*) membantu individu membina keyakinan diri, semangat diri serta melatih mereka dengan kemahiran-kemahiran sosial yang diperlukan agar individu mampu menjalankan fungsi mereka dengan lebih optimum.

#### *(ii) Menggalakkan pelaburan dalam program-program pembentukan modal sosial*

Walaupun pembangunan mesti bermula pada dan dalam diri individu, kebajikan sosial paling berkesan dicapai di dalam konteks komuniti. Semua individu di dalam komuniti harus bekerjasama secara harmoni bagi memastikan keperluan sosial mereka dipenuhi, masalah sosial yang wujud dalam komuniti mereka ditangani bersama serta peluang-peluang untuk mereka memajukan diri dinikmati bersama (Midgley 1995). Strategi pembangunan komuniti (*community development*) membolehkan komuniti mengawal dan mengurus-tadbir sumber-sumber tempatan (*local resources*) yang dimiliki untuk digunakan bagi memajukan komuniti mereka sendiri. Selain itu, ia juga membolehkan komuniti memastikan bantuan atau sumber-sumber dari luar digunakan untuk membangunkan keperluan mereka dengan tepat.

Tiga aktiviti atau program utama yang sering dijalankan di bawah strategi pembangunan komuniti adalah aktiviti-aktiviti yang mampu memobilisasikan penyertaan komuniti dalam program-program pembangunan yang disediakan untuk mereka, aktiviti-aktiviti yang mampu meningkatkan tindakan kolektif ahli komuniti (*community action*) dan program-program yang mampu memperkasakan sumber sosial (*empowering actions*) yang dimiliki oleh kumpulan-kumpulan komuniti yang marginal; seperti kaum wanita dan keluarga tunggal yang miskin. Antara pelaburan modal manusia yang paling berkesan dan berpotensi tinggi untuk mencapai ketiga-tiga aktiviti tersebut adalah pelaburan di dalam sektor pendidikan. Pelaburan di dalam pendidikan bukan sahaja mampu menghasilkan pulangan yang positif pada diri individu; malah pada keadaan ekonomi masyarakat dan kehidupan komuniti dan masyarakat secara keseluruhan

(Midgley 1999). Selain pendidikan, pelaburan di dalam bidang-bidang kesihatan dan pemakanan (*health and nutrition*), kebaikan kanak-kanak (*child welfare*) dan kemahiran-kemahiran serta perkhidmatan-perkhidmatan sosial untuk kumpulan berkeperluan khas dan golongan berusia (*social skills and services to people with disabilities*), pendidikan kesihatan ibu mengandung (*maternal health education*), perancangan dan pengurusan keluarga (*family planning and family management*) dan pendidikan kanak-kanak (*children education*) juga berpotensi tinggi meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat.

Melibatkan semua anggota komuniti di dalam semua projek pelaburan manusia manusia yang diterangkan di atas bukan sahaja mampu membantu anggota komuniti memenuhi keperluan hidup mereka. Malah, di dalam masa yang sama juga ia mampu menanamkan ideologi atau nilai sosial tertentu yang mana ini sekaligus mampu mengatasi masalah sosial yang wujud. Misalnya, melibatkan semua ahli komuniti dalam program pendidikan dan kesihatan kanak-kanak bukan sahaja mampu meningkatkan kesejahteraan hidup kanak-kanak; malah di dalam masa yang sama juga membayangkan nilai “sayang anak” dalam keluarga yang mana ini mampu mengurangkan masalah pengabaian atau penderaan anak.

Selain itu, strategi pembangunan komuniti yang amat mengutamakan kepentingan meningkatkan *volume* dan intensiti perhubungan sosial yang bersifat kerjasama (*cooperative social relationships*) dalam komuniti berperanan penting sebagai prasyarat kepada pembangunan ekonomi komuniti setempat. Pengalaman daripada banyak negara menunjukkan bahawa meningkatkan integrasi komuniti mampu memajukan pembangunan ekonomi setempat/masyarakat. Sebelum masyarakat mampu menyertai aktiviti ekonomi yang produktif, mereka terlebih dahulu harus mempunyai akses terhadap pelbagai maklumat dan jaringan sosial (*social networks*) berkaitan dengan aktiviti ekonomi tersebut. Akses terhadap maklumat dan keanggotaan terhadap sistem jaringan sosial harus terbuka kepada semua individu dan komuniti; tanpa mendiskriminasi keadaan sosial, etniksiti, agama, jantina, keadaan fizikal atau lokasi geografi yang didiami/dianggotai oleh individu atau komuniti tersebut. Justeru itu, kerajaan harus melabur dalam program-program atau aktiviti-aktiviti sosial yang mampu membina integrasi sosial dan mempunyai impak yang positif terhadap pembangunan ekonomi negara. Kerja sosial komuniti (*community practice*) harus bekerjasama dengan para perancang sosial dan pakar ekonomi agar tumpuan yang lebih spesifik diberikan kepada projek-projek sosial dan ekonomi yang mampu meningkatkan semangat keusahawanan, tahap pendapatan, menggalakam sokongan komuniti ke atas usahawan-usahawan kecil-kecilan yang terdapat di dalam komuniti, membentuk dan memajukan agensi-agensi pembangunan komuniti, membentuk dan mengukuhkan jaringan untuk rujukan pekerjaan (*networks for employment referral*), menarik pelabur luar untuk melabur di dalam projek-projek ekonomi komuniti dan menangani keperluan material anggota komuniti (Midgley & Livermore1998; Livermore 1996).

### (iii) Memperkasa aset individu dan aset komuniti

Model pelaburan sosial mendesak agar kerajaan pelabur melabur di dalam pelbagai program sosial yang mampu memperkasa dan menggilap aset-aset dalam dan luaran yang dimiliki oleh individu dan komuniti. Pelaburan sebegini penting kerana ia berpotensi

untuk mengubah nilai, sikap dan tingkah laku yang positif dan murni pada individu dan komuniti. Pengalaman di kebanyakan negara membuktikan bahawa program-program pembangunan individu dan komuniti yang memperkasa aset individu dan komuniti mampu membentuk sikap, nilai-nilai positif, keyakinan diri dan semangat untuk memajukan hidup dan berjaya (Yadama and Sherraden 1996; Sherraden 1991). Pembangunan aset harus ditumpukan kepada aset individu dan juga aset komuniti. Contoh pelaburan yang mampu memperkasakan aset individu dan aset komuniti adalah pelaburan di dalam pembangunan infrastruktur seperti jalan raya, pengangkutan, jambatan, sekolah, sistem pengairan pertanian, sistem minuman awam, klinik, hospital, infrastruktur pekerjaan, penjagaan anak, sekolah dan kemudahan sosial yang lain.

(iv) *Menggalakkan penglibatan dan penyertaan aktif individu dan komuniti dalam ekonomi pekerjaan yang produktif*

Aliran *Workfare* atau *welfare-to-work* menyatakan dasar sosial yang proaktif boleh menyumbang kepada pembangunan ekonomi dengan cara membantu individu dan komuniti yang berpendapatan rendah atau individu/komuniti yang menerima bantuan kebajikan awam mencari dan melakukan pekerjaan yang produktif ataupun bekerja-sendirinya (*self-employment*). Justeru itu, kerajaan pelabur harus melabur dalam program-program sosial atau program-program ekonomi yang berbentuk latihan pekerjaan, pendidikan pekerjaan, penempatan kerja (*job placement*) dan program-program sokongan pekerjaan. Kerajaan pelabur juga harus memandu arah polisi pasaran kerja mereka ke arah polisi pekerjaan/tempat kerja yang lebih fleksibel dan “terbuka” kepada individu yang berkeperluan khas. Ini boleh dilakukan menerusi usahama dengan sektor swasta dan badan-badan perniagaan dengan cara membuka banyak peluang pekerjaan.

Perkembangan terkini di kebanyakan negara menunjukkan bahawa program-program pembangunan *microenterprise* (*microenterprise development*) dan program-program mikrokredit (Else and Raheim 1992; Balkin 1989) berkesan meningkatkan penyertaan dan penglibatan individu/komuniti atau klien kebajikan sosial; khususnya klien berkeperluan khas dalam aktiviti ekonomi. Justeru itu, kerajaan harus melabur dalam program-program yang berpotensi menawarkan banyak peluang pekerjaan kepada masyarakat, program-program yang mampu menyediakan penempatan dan latihan kerja dan perkhidmatan-perkhidmatan sokongan serta program-program yang mampu menanam pengetahuan kemahiran yang amat diperlukan oleh klien sekiranya mereka ingin menyertai secara aktif di dalam ekonomi. Program-program *welfare-to-work* harus ditaja atau didana dengan lebih berkesan dan berterusan dan secukupnya.

(v) *Mengalihkan dan menghapuskan halangan-halagan individu/komuniti untuk menyertai aktiviti ekonomi*

Sekiranya kerajaan ingin membolehkan individu atau komuniti menyertai aktiviti ekonomi secara produktif, kerajaan bukan sahaja perlu menyediakan banyak peluang pekerjaan kepada masyarakat. Malah, kerajaan harus “mengalihkan” atau menghapuskan terus halangan-halangan yang “menyekat” anggota masyarakat untuk menyertai aktiviti ekonomi. Contohnya, kekurangan kemahiran, kebolehan untuk mencari pekerjaan,

limitasi akses terhadap maklumat dan jaringan social serta had mobilisasi untuk mencari pekerjaan merupakan perkara-perkara yang menghalang individu/komuniti untuk menyertai aktiviti ekonomi yang produktif. Bagi kaum wanita/ibu pula, penjagaan anak yang selamat sewaktu mereka keluar bekerja merupakan halangan yang paling utama yang mempengaruhi keputusan dan peluang mereka untuk menyertai aktiviti ekonomi yang produktif. Selain itu, halangan-halangan institusi seperti diskriminasi yang berasaskan ras-ethnik, jantina, kenegaraan (*citizenship*), bangsa, agama, umur, kecacatan dan sebagainya harus diatasi. Justeru itu, kerajaan pelabur harus melabur di dalam program-program sosial atau polisi-polisi sosial yang berkaitan dengan anti-diskriminasi dan tindakan-tindakan *affirmative* yang mampu membasmikan halangan terhadap pekerjaan dan menggalakkan penyertaan dan penglibatan individu/komuniti dalam aktiviti ekonomi. Contohnya, melabur di dalam program-program penjagaan anak di tempat kerja, polisi sekuriti sosial yang lebih komprehensif yang mengambil kira keperluan penjagaan keluarga para pekerja serta program-program tempat kerja yang lebih mesra terhadap pekerja wanitanya yang berkeluarga.

(vi) *Membentuk persekitaran sosial yang kondusif untuk pembangunan*

Akhir sekali, kerajaan pelabur mesti selalu faham bahawa pembangunan ekonomi bukan sahaja bergantung kepada input-input konvensional ekonomi seperti modal/kapital, buruh dan kemahiran manusia. Ia juga bergantung kepada keadaan sosial dan politik negara/masyarakat; iaitu tempat dan subjek di mana pembangunan itu ingin dijalankan. Keadaan politik yang tidak stabil, keadaan masyarakat yang dilingkari oleh pelbagai masalah social dan jenayah, institusi sosial, ekonomi dan politik yang korup dan masyarakat yang tiada nilai moral yang baik merupakan faktor-faktor risiko yang mampu membantu pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Keadaan-keadaan tersebut juga mampu "mematikan" minat pelabur luar untuk melabur di dalam aktiviti ekonomi negara. Selalu berpegang kepada prinsip untung-rugi, para pelabur melihat senario-senario tersebut merugikan pelaburan mereka. Justeru itu, bagi memastikan aktiviti pelaburan ekonomi sentiasa berjalan lancar, kerajaan harus melabur dalam program-program sosial yang mampu mencegah dan mengurangkan masalah jenayah dan masalah sosial dalam negara, program-program yang mampu mengekalkan keharmonian setiap kaum, program-program yang mampu meningkatkan integrasi dan solidariti kaum serta program-program yang mampu menjamin keselamatan, kestabilan dan ketenteraman politik negara.

## PENUTUP

Model pelaburan sosial amat menekankan kepentingan membangunkan modal manusia dan modal sosial yang dimiliki oleh individu, komuniti dan kerajaan. Namun begitu, kejayaan aplikasi model ini bergantung kepada sejauhmanakah masyarakat mampu bertindak-balas dengan beberapa cabaran. Antara yang terpenting adalah bagaimana para perancang dan pembuat dasar mampu membantu kerajaan pelabur menilai keperluan individu dan komuniti (*needs assessment*) sebelum memilih sektor atau bidang yang berpotensi untuk meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat. Pelaburan adalah satu aktiviti berisiko yang sekiranya dilakukan secara tergesa-gesa tanpa mengikut

prosedur, pengunjuran dan perancangan yang strategik mampu “merugikan” atau menghasilkan manfaat yang negatif pada pelabur itu sendiri. Penilaian keperluan individu dan komuniti mampu bertindak sebagai salah satu *tool* atau instrumen pelaburan yang berpotensi tinggi memastikan pelaburan yang dibuat adalah bermanfaat dan berbaloi.

## RUJUKAN

- Alcock, P. (1996). *Social policy in Britain: Themes and issues*. London: MacMillan.
- Balkin, S. (1989). *Self employment for low-income people*. New York: Prager.
- Berghman, J. (1997). “The resurgence of poverty and the struggle against Exclusion: A new challenge for social security in Europe”. *International Social Security Review*. V50. N1:3-21.
- Bulmer, M, Lewis, J & Piachaud, D. (1989). *The goals of social policy*. London: Unwin Hyman.
- Cahill, M. (1994). *The new social policy*. Oxford: Blackwell.
- Cawson, A. (1982). *Corporatism and welfare. Social policy and state intervention in Britain*. London: Heinemann Educational Books.
- Davis, A & Wainwright, S. (2000). “Work and social security provision in Britain: seeking a Third Way”. Doling, J and Roziah Omar. (eds). *Social welfare East and West. Britain and Malaysia*. Aldershot: Ashgate. Halaman 23-38.
- DeBord, K, Fanning-Canu, R & Kerpelman, J. (2000). “Understanding a work-family fit for single parents moving from welfare to work”. *Social Work*. V45. N4:313-330.
- Doling, J and Roziah Omar. (2002). “The welfare state system in Malaysia”. *Journal of Societal and Social Policy*. V1. N1:33-47.
- Else, J.F & Raheim, S. (1992). “AFDC clients as entrepreneurs: self-employment offers an important option”. *Public Welfare*. Vol 50. N4:36-41.
- Falkner, G & Talos, E. (1994). “The role of the state within social policy”. *West European Politics*. V17. N3:52(25).
- Fox Piven,F. (1999). “The welfare state as work enforcer”. *Dollars and Sense*. September 1999: 32-37.
- George, V & Wilding, P. (1984). *The impact of social policy*. London: Routledge & Kegan Paul.
- Giddens, A. (1998). *The Third Way. The renewal of social democracy*. Cambridge: Polity Press.

- \_\_\_\_\_. (1994). *Beyond left and right. The future of radical politics*. London: Polity Press.
- Gosta Esping Andersen. (1990). *Three worlds of welfare capitalism*. Cambridge: Polity Press.
- Jamilah Ariffin. (1999). "The changing Malaysian family: Tracing its changes through trend data and research findings". *Family Well Being: Learning from the past for the betterment in the future*. APFAM International Conference. 2-5 November 1999. Kuala Lumpur: Mandarin Oriental.
- Jones, C. (1993). *New perspectives on the welfare state in Europe*. London: Routledge.
- Kapstein, E.B. (1998). "A global third way: social justice and the world economy". *World Policy Journal*. V15. N4:23-40.
- Livermore, M. (1996). "Social Work, Social Development, and microenterprises: Techniques and issues for implementation". *Journal of Applied Sosial Sciences*. V21. N1:37-46.
- Marshall, T.H. (1950). *Citizenship and social class, and other essays*. Cambridge: Cambridge University Press.
- McDonald, P. (1999). "Family and change in the Asia-Pacific region: An overview". *Family Well Being: Learning from the past for the betterment in the future*. APFAM International Conference. 2-5 November 1999. Kuala Lumpur: Mandarin Oriental.
- Mendes, P. (2000). "Mark Latham, the Third Way and the Australian welfare state". *Melbourne Journal of Politics*. Annual 2000:85(18).
- Midgley, J. (1999). "Growth, redistribution, and welfare: Towards social investment." *Social Service Review*. V73. No 1:3(1).
- \_\_\_\_\_. (1996). "Sosial Work and Social Development: Challenge to the profession". *Journal of Applied Sosial Science*. V21. N1:7-14.
- \_\_\_\_\_. (1995). *Social development. The developmental perspective in social welfare*. London: Sage Publications.
- Midgley, J & Livermore, M. (1998). "Social capital and local economic development: Implications for community Social Work practice". *Journal of Community Practice*. V5. N1/2:29-40.
- Midgley, J & Simbi, P. (1996). "Promoting a development focus in the community organization curriculum: relevance of the African experience". *Journal of Social Work Education*. V29. N3:269-278.
- Rahimah Abdul Aziz. (1999)." An overview of changing social development paradigm and its implication on the Social Welfare Policy". *Family Well Being: Learning from*

- the past for the betterment in the future.* APFAM International Conference. 2-5 November 1999. Kuala Lumpur: Mandarin Oriental.
- \_\_\_\_\_. (1989). *Sosiologi pembangunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rosnah Ismail. (1999). "Changing family patterns and impacts on adolescents-role of the counselor". *Family Well Being: Learning from the past for the betterment in the future*. APFAM International Conference. 2-5 November 1999. Kuala Lumpur: Mandarin Oriental.
- Siti Hajar Abu Bakar Ah. (2002). *Pengantar dasar sosial Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Sherraden, M. (1991). *Assets and the poor. A new American Welfare Policy*. Armonk, N.Y: M.E. Sharpe.
- Skocpol, T. (1995). *Social policy in the United States: Future possibilities in historical perspective*. Princeton, NJ: Princeton University Press.
- Tanner, M. (1996). *The end of welfare: fighting poverty in civil society*. Washigton,D.C: Cato Institute.
- Taylor-Gooby, P. (1991). *Social change, social welfare and social science*. New York: Harvester Wheatsheat.
- Titmuss, R. (1974). *Social policy: an introduction*. London: Allen and Unwin.
- \_\_\_\_\_. (1968). *Commitment to welfare*. London: Allen and Unwin.
- Yadama, G.N & Sherraden,M. (1996). "Effects of assets on attitudes and behaviors: Advance test of a social policy proposal". *Social Work Research*. Vol 20. N1:3-11.
- Walker, A. (2000). " The social quality of employment: Europe needs a social policy for work". *European Journal of Social Quality*. V2. N2:3-29.
- Williams, F. (1989). *Soial policy. A critical introduction*. Cambridge: Polity Press.